

## NOTIS KEPADA AHLI AHLI KUMPULAN

***Plaintiff M83A/2019 & Anor v Morrison & Ors (VID816/2019)***

### **PERHATIAN:**

SATU TUNTUTAN TELAH DIBAWA BAGI PIHAK ANDA MENGENAI TEMPOH MASA DI NAURU SEKIRANYA ANDA TELAH DIBAWA KE REPUBLIK NAURU DARI AUSTRALIA SELEPAS 3HB OGOS 2013

Sekiranya anda tidak fasih dalam Bahasa Inggeris, Notis ini telah pun diterjemahkan dalam Bahasa asing di laman web dibawah tajuk “Nauru Class Action”:

[phifinneymcdonald.com/projects/](http://phifinneymcdonald.com/projects/). Anda juga bolih meminta sesalinan Notis ini dalam Bahasa anda dengan menghantar email kepada Phi Finney McDonald di [GMNauru@pfm.law](mailto:GMNauru@pfm.law) atau melalui pos ke Level 4, 325 Flinders Lane, Melbourne, Victoria 3000.

If you do not read English, this Notice is available in other languages on the following website under “Nauru Class Action”: [phifinneymcdonald.com/projects/](http://phifinneymcdonald.com/projects/). You can also request a copy of the Notice in your language by emailing Phi Finney McDonald at [GMNauru@pfm.law](mailto:GMNauru@pfm.law) or by post at Level 4, 325 Flinders Lane, Melbourne, Victoria 3000

إذا كنت لا تقرأ اللغة الإنجليزية، فإن هذا الإشعار متوفّر بلغات أخرى على الموقع الإلكتروني التالي تحت عنوان

“Nauru Class Action”: [phifinneymcdonald.com/projects/](http://phifinneymcdonald.com/projects/)

يمكنك أيضًا طلب نسخة من الإشعار بلغتك عن طريق إرسال بريد إلكتروني إلى Phi Finney McDonald على العنوان

أو عن طريق البريد على العنوان [GMNauru@pfm.law](mailto:GMNauru@pfm.law)

Level 4, 325 Flinders Lane, Melbourne, Victoria 3000

আপনি যদি ইংরেজী পড়তে না পারেন তবে এই বিজ্ঞপ্তি নিম্নলিখিত ওয়েবসাইট “Nauru Class Action”:

[phifinneymcdonald.com/projects/](http://phifinneymcdonald.com/projects/). অধীনে অন্য ভাষায় পাওয়া যাবে। Phi Finney McDonald কে

[GMNauru@pfm.law](mailto:GMNauru@pfm.law) - তে, ই-মেইল করে অথবা Level 4, 325 Flinders Lane, Melbourne, Victoria 3000 এই ঠিকানায় ডাকের মাধ্যমে আপনার ভাষায় বিজ্ঞপ্তির একটি অনুলিপির জন্য অনুরোধ করতে পারেন।

အကယ်၍သင့် အကလို့ပွာမဖတ္တုနဲ့ ဤအောက်တွင် ဖုန်ကားစာကို [phifinneymcdonald.com/projects/](http://phifinneymcdonald.com/projects/) ထုတေသန "Nauru Class Action" ဝေခါးစွဲဝေအကုန်၌ အချားသာသာစကားမှုးဂျဖူး ဖတ်ရှုနှင့်ပို့ဆောင်ရွက်နိုင်သည့်။ သို့သော် ဤအောက်တွင် ဖုန်ကားစာ၏ မိတ်ကို သင့်ဘာသာစကားဂျဖူး ရယူရန် Phi Finney McDonald သို့၍ [GMNauru@pfm.law](mailto:GMNauru@pfm.law) အီးပေးလိုက်ချက်ဝေသာနဲ့လည်းဝေကာတွင် သို့မဟုတ် Level 4, 325 Flinders Lane, Melbourne, Victoria 3000 သို့၍ စာပိုက်ချက်ဝေသာနဲ့လည်းဝေကာတွင် ဝေတာနဲ့ဝံ့ဝိုင်းသွေ့ပို့ဆောင်ရွက်နိုင်သည့်။

အားလုံး အောက်တွင် ဖုန်ကားစာ၏ မိတ်ကို သင့်ဘာသာစကားဂျဖူး ရယူရန် Phi Finney McDonald သို့၍ [GMNauru@pfm.law](mailto:GMNauru@pfm.law) အီးပေးလိုက်ချက်ဝေသာနဲ့လည်းဝေကာတွင် သို့မဟုတ် Level 4, 325 Flinders Lane, Melbourne, Victoria 3000 သို့၍ စာပိုက်ချက်ဝေသာနဲ့လည်းဝေကာတွင် ဝေတာနဲ့ဝံ့ဝိုင်းသွေ့ပို့ဆောင်ရွက်နိုင်သည့်။

အားလုံး အောက်တွင် ဖုန်ကားစာ၏ မိတ်ကို သင့်ဘာသာစကားဂျဖူး ရယူရန် Phi Finney McDonald သို့၍ [GMNauru@pfm.law](mailto:GMNauru@pfm.law) အီးပေးလိုက်ချက်ဝေသာနဲ့လည်းဝေကာတွင် ဝေတာနဲ့ဝံ့ဝိုင်းသွေ့ပို့ဆောင်ရွက်နိုင်သည့်။

အားလုံး အောက်တွင် ဖုန်ကားစာ၏ မိတ်ကို သင့်ဘာသာစကားဂျဖူး ရယူရန် Phi Finney McDonald သို့၍ [GMNauru@pfm.law](mailto:GMNauru@pfm.law) အီးပေးလိုက်ချက်ဝေသာနဲ့လည်းဝေကာတွင် ဝေတာနဲ့ဝံ့ဝိုင်းသွေ့ပို့ဆောင်ရွက်နိုင်သည့်။

Si vous ne lisez pas l'anglais, cet avis est disponible dans d'autres langues sur le site web suivant sous la rubrique « Nauru Recours Collectif » ("Nauru Class Action"):

[phifinneymcdonald.com/projects/](http://phifinneymcdonald.com/projects/). Vous pouvez également demander une copie de l'avis dans votre langue en envoyant un courriel à Phi Finney McDonald à [GMNauru@pfm.law](mailto:GMNauru@pfm.law) ou par courrier à Level 4, 325 Flinders Lane, Melbourne, Victoria 3000.

यदि आप अंग्रेजी पढ़ पाते हैं, तो यह नोटिस इस वेबसाइट [phifinneymcdonald.com/projects/](http://phifinneymcdonald.com/projects/) पर "Nauru Class Action": के अधीन अन्य भाषाओं में उपलब्ध है। आप Phi Finney McDonald को [GMNauru@pfm.law](mailto:GMNauru@pfm.law) पर ई-मेल करके या Level 4, 325 Flinders Lane, Melbourne, Victoria 3000 पते पर डाक से पत्र भेजकर भी अपनी भाषा में नोटिस की प्रति दिए जाने का निवेदन कर सकते/सकती हैं।

Jika Anda tidak dapat membaca dalam bahasa Inggris, Pemberitahuan ini tersedia dalam bahasa-bahasa lain di situs web berikut ini di bawah judul "Nauru Class Action": [phifinneymcdonald.com/projects/](http://phifinneymcdonald.com/projects/). Anda juga dapat meminta salinan Pemberitahuan ini dalam bahasa Anda dengan cara mengirim emal ke Phi Finney McDonald di [GMNauru@pfm.law](mailto:GMNauru@pfm.law) atay dengan mengirim surat lewat pos di alamat Level 4, 325 Flinders Lane, Melbourne, Victoria 3000

यदि तपाईं अंग्रेजी पढ़न सक्नु हुन्न भने [phifinneymcdonald.com/projects/](http://phifinneymcdonald.com/projects/) वेबसाइटमा "नउरु क्लास एक्शन" ("Nauru Class Action") अन्तर्गत यो सूचना अन्य भाषाहरूमा उपलब्ध छन्। तपाईंले कि फिन्नी म्याकडोनाल्ड (Phi Finney McDonald) लाई [GMNauru@pfm.law](mailto:GMNauru@pfm.law) मा ईमेल गरेर वा Level 4, 325 Flinders Lane, Melbourne, Victoria 3000 मा पत्राचार गरेर तपाईंको भाषामा यो सूचनाको एक प्रति अनुरोध गर्न सक्छहन्दै।

کی د نارو اکشن پلان /[phifinneymcdonald.com/projects](http://phifinneymcdonald.com/projects) تاسی انگلیسی نشی لوستی، دا خبرتیا په نورو ژبو پدی و بیپانه Phi Finney تر نامه لاندی شتون لري. تاسو کولي شي یوه کاپي یې پې فینی مکدونالد "Nauru Class Action" McDonald استولو وغواوري او یا د پوست له لاري [GMNauru@pfm.law](mailto:GMNauru@pfm.law) ته په ايميل Level 4, 325 Flinders Lane, Melbourne, Victoria 3000. غوبښته وکړئ.

Zedice tuñi Ingílic ót fori nozanolisé, ei websaith ót zaí yara notis yan oínno zuban ót faíba “Nauru Class Action”: [phifinneymcdonald.com/projects/](http://phifinneymcdonald.com/projects/). Tuñi Notis ór kopí ekan ólla aros gori fariba tuáñar zuban ót Phi Finney McDonald or hasé email defeçai yore [GMNauru@pfm.law](mailto:GMNauru@pfm.law) ya fúus gori fariba thikana yan ót Level 4, 325 Flinders Lane, Melbourne, Victoria 3000.

Haddii aadan akhriyi karin Ingiriis, ogeysiiskaan waxaa laga helli karaa luqada kale websaytka soo socda “Nauru Class Action”. [phifinneymcdonald.com/projects/](http://phifinneymcdonald.com/projects/). Waxaad kaloo codsan kartaa koobiga ogeysiiska isaga oo ku qoran afkaaga adigoo email u diraya Phi Finney McDonald @ [GMNauru@pfm.law](mailto:GMNauru@pfm.law) ama adiga oo boostada ku diraya: Level 4, 325 Flinders Lane, Melbourne, Victoria 3000.

نیونگ کول آئند کیلہم بے صاٹ وار ائنراؤل، [phifinneymcdonald.com/projects/](http://phifinneymcdonald.com/projects/) ائنومد والے تھالا پپکھ کھتھیل  
"نارو ڈاکٹھ ماما تھا وھکھ" ("Nauru Class Action") ائنر تھالے پپین کھیل ائنٹھ 'آری ویپ' پینے نیونگ کول  
ایثار ماما میکولیں بے پھلا مام۔ 'اپی اپی نی مکھتا نالد' (Phi Finney McDonald)-ویڑھ  
[GMNauru@pfm.law](mailto:GMNauru@pfm.law) ائنومد مکھواری مھلہم میں نانچھاں ائنومپھیپھم، Level 4, 325 Flinders Lane,  
Melbourne, Victoria 3000 ائنومد مکھواری ییل تپاول مھلماکا وہم عانگ کول ماما میکیل ٹھلے پیرا تھ  
ڈانرے نیونگ کول وے نٹھ لاما مام۔

اگر آپ انگریزی نہیں پڑھ سکتے تو یہ نوش دوسرا زبانوں میں درج ذیل ویب سائٹ پر "سیکشن Nauru Class Action" میں دستیاب ہے: [phifinneymcdonald.com/projects/](http://phifinneymcdonald.com/projects/). آپ اپنی زبان میں نوش کی ایک نقل طلب کرنے کے لئے Phi Level 4, 325 Flinders Lane, [GMNauru@pfm.law](mailto:GMNauru@pfm.law) کو Finney McDonald پر خط بھیج سکتے ہیں۔

***Plaintiff M83A/2019 & Anor v Morrison & Ors (VID816/2019)***

**Kenapa saya mendapat ini?**

1. Dua orang telah telah menfailkan suatu kes di Federal Court di Australia terhadap Menteri Menteri sekarang dan yang terdahulu dan Setiausaha Setiausaha jabatan Kerajaan yang bertanggungjawab perihal Immigrasi ke Australia bernama Yang Berhormat Scott Morrison MP, Yang Berhormat. Peter Dutton MP, Yang Berhormat. Tony Burke MP, Mr Martin Bowles dan Mr Michael Pezzullo. Kes itu mendakwa bahwa kesemua Menteri Menteri tersebut secara individu (Ketika itu menjadi Menteri Kanan dalam Kerajaan Australia) dan Setiausaha Setiausaha (Ketika itu menjadi Pegawai kanan dalam Kerajaan Australia) kesemuanya telah bertindak secara tidak sah dalam peranan mereka sebagai pegawai awam dan ketika berbuat demikian telah membuat keputusan untuk mengabaikan tindakan mereka itu yang menyalahi undang undang (dikenal sebagai “Kecuaian yang Tidak Peduli” dalam Undang Undang Australia). Ini dikenali sebagai “Penyalahgunaan dalam Pentadbiran awam”
2. Pihak Commonwealth of Australia (**Australia**) juga menjadi satu pihak. Setiap Menteri dan Setiausaha dan Kerajaan Australia kini membela kes ini sebagai individu.
3. Ini adalah satu kes “Tindakan Berkelompok”. Maksudnya Tindakan ini dibawa oleh seorang atau beberapa orang bagi pihak sekumpulan orang lain yang dipanggil “ahli kumpulan”. Ahli ahli kumpulan ini adalah mereka yang telah dibawa ke Republik Nauru dari Australia selepas 3 Ogos 2013. Tindakan ini dibawa bagi pihak mereka.
4. Anda menerima Notis ini kerana anda mungkin telah dibawa pergi ke Nauru dari Australia selepas 3 Ogos 2013 dan dengan itu anda mungkin menjadi ahli kumpulan.
5. Status visa anda tidak mungkin tergugat kerana anda terlibat dalam tindakan berkelompok ini. Sila menghubungi seorang ejen migrasi sekiranya anda mempunyai sebarang soalan mengenai status visa anda.
6. Anda tidak perlu membayar untuk menjadi sebahagian Tindakan berkelompok ini. Anda akan hanya membayar apa apa bayaran pada akhir kes ini sekiranya anda menerima sebarang pampasan atau anda perlukan nasihat guaman persendirian untuk mengakhiri tuntutan anda sendiri. Sebarang kos guaman yang anda harus bayar bagi tindakan

berkelompok tidak mungkin melebihi bayaran pampasan yang anda mungkin terima. Dalam erti kata lain anda tidak mungkin bayar wang sendiri bagi sebarang perbelanjaan guaman dalam tindakan berkelompok ini.

7. Peguam yang mengendalikan kes ini adalah Phi Finney McDonald (**PFM**). Kalau anda ingin tahu sekiranya anda menjadi ahli kumpulan ini, sila menghubungi PFM dengan menghantar email kepada [GMNauru@pfm.law](mailto:GMNauru@pfm.law) atau berbincang dengan peguam pilihan anda. Sila jangan hubungi mahkamah Federal (court) sekiranya anda ada soalan.

### **Sistem Perundangan Australia**

8. Sistem perundangan Australia membenarkan seseorang itu (dipanggil Pemohon) untuk membuat tuntutan pampasan keewangan terhadap seseorang lain, syarikat atau kerajaan (dipanggil Responden) sekiranya Pemohon tersebut percaya bahawa dia telah mengalami kecederaan atau kerugian kerana tindakan responden tersebut dan sekiranya terdapat asas yang betul untuk tuntutan tersebut.
9. Kesemua Mahkamah di Australia adalah bebas dari kerajaan. Kesemua mahkamah mempunyai peraturan yang jelas untuk menurut prosedur yang perlu diikuti. Ini termasuk peraturan untuk menyediakan keterangan dan unuk menggunakan nas undang undang bagi keterangan tersebut untuk memutuskan kes tersebut mengikut undang undang.

### **Apakahkah ianya tindakan berkelompok ini**

10. Tindakan berkelompok ini mendakwa bahwa setiap bekas Menteri dan terkini yang bertanggungjawab bagi imigresen dan Setiausaha setiausaha jabatan kerajaan adalah bertanggungjawab untuk imigresen telah melanggar undang undang dalam peranan mereka sebagai penjawat awam. Untuk berjaya dalam Tindakan berkelompok ini ,dua orang yang mulakan tindakan tersebut perlu menunjukkan bahwa:
  - (a) kesemua Menteri dan setiausaha telah menyalahi undang undang ketika melaksasnakan peranan mereka ; dan
  - (b) kesemua Menteri dan setiausaha telah memutuskan untuk mengabaikan tindakan mereka itu adalah menyalahi undang undang (dikenal sebagai “Kecuaian yang Tidak Peduli” dalam Undang Undang Australia).

11. Tindakan berkumpulan tersebut mendakwa bahwa Tindakan menyalahi undang undang telah diambil ketika memohon atau meminta sebarang lanjutan visa Pusat memproses Kawasan Pendalaman (**RPC visa**) di Nauru, dalam empat (4) cara :
- (a) pegawai pegawai Australia tidak mempunyai kuasa di bawah Undang Undang Australia untuk memohon sebarang lanjutan visa RPC yang diberi kepada ahli ahli kumpulan;
  - (b) pegawai Pegawai Australia adalah bertanggungjawab untuk prosedur keadilan tetapi tidak memberinya kepada ahli ahli kumpulan dalam proses permohonan atau permintaan untuk lanjutan visa RPC;
  - (c) pegawai Pegawai Australia akan hanya dapat mohon mengikut undang undang untuk atau meminta lanjutan untuk visa RPC sekiranya ahli ahli kumpulan dilayan mengikut taraf hak asasi manusia,tetapi ini bukan kesnya;
  - (d) bagi ahli kumpulan yang mana adalah kanak kanak, Pegawai Pegawai Australia hanya boleh mengikut undang undang memohon atau meminta lanjutan visa RPC sekiranya ahli ahli akan dilayan mengikut taraf perikemanusiaan melibatkan kanak kanak tetapi ini bukan kesnya.
12. Tindakan Berkelompok ini mendakwa bahwa Menteri Menteri dan Setiausaha setiausaha yang kini disaman adalah bertanggungjawab kepada segala tindakan Pegawai Australia bagi dan meminta lanjutan visa RPC kerana ketika Menteri Menteri dan Setiausaha setiausaha menjalankan tugas mereka telah membuat keputusan untuk mengabaikan kuasa mereka untuk menghalang tindakan pegawai pegawai yang menyalahi undang undang.
13. Tindakan Berkelompok ini mendakwa bahwa Menteri Menteri dan Setiausaha setiausaha yang kini disaman dalam Tindakan berkelompok ini dan Kerajaan Pusat (Commonwealth) yang mereka wakili, seharusnya membayar pampasan kepada ahli ahli kumpulan kerana ahli ahli tersebut telah di bawa pergi ke Nauru dengan menyalahi undang undang dan telah mengalami ancaman dan kerugian akibat dibawa ke Nauru.
14. Dakwaan terperinci terhadap Responden ada disenaraikan dalam Penyata tuntutan tambahan yang dipinda oleh Pemohon. Sesalinan Penyata tuntutan tambahan yang dipinda boleh dapat dilihat dilaman web : [phifinneymcdonald.com/projects/](http://phifinneymcdonald.com/projects/).

15. Tindakan Berkelompok itu menuntut gantirugi bagi tindakan menyalahi undang undang oleh Menteri Menteri dan Setiausaha setiausaha untuk membayar pampasan kepada mereka yang dibawa pergi ke Nauru selepas 3 Ogos 2013 untuk kecederaan diri, kerugian pendapatan dan pemenjaraan palsu.

**Saya ingin terus menjadi sebahagian Tindakan berkelempok - Apa yang perlu saya buat?**

16. Jika anda ingin terus kekal dalam Tindakan berkelompok anda tidak perlu buat apa apa ketika ini. Anda menjadi sebahagian tindakan berkelompok tersebut kecuali anda memaklumkan kepada Federal Court Australia bahwa anda tidak mahu menjadi sebahagian dalam Tindakan itu lagi. Bahagian berikut dokumen ini memberitahu anda apa yang anda harus buat sekiranya anda ingin berbuat demikian.

17. Ahli kumpulan adalah “terikat” dengan keputusan Tindakan berkelompok kecuali mereka memilih untuk menarik diri dari prosiding tersebut. Ini bermakna anda adalah terikat dengan keputusan itu samada menang,kalah atau deselesaikan.

- (a) sekiranya Tindakan berkelompok itu berjaya maka anda layak untuk berkongsi jumlah penghakiman atau amaun penyelesaian
- (b) sekiranya tuntutan itu tidak berjaya sebagaimana diingini anda mungkin tidak dapat apa apa atau sejumlah wang kecil dan anda tidak lagi dapat menyaman Menteri Menteri atau Setiausaha setiausaha secara individu dalam kes ini bagi dakwaan dan Tindakan menyalahi undang seperti diterangkan diatas. Juga anda tidak perlu bayar sebarang wang.

18. Anda tidak perlu bayar untuk terus kekal dalam tindakan berkelompok itu apabila isu isu yang sama kepada kumpulan itu telah diputuskan. Anda akan dikehendaki membuat bayaran diakhir kes itu sekiranya menerima gantirugi atau jika anda perlu nasihat guaman untuk menamatkan tuntutan anda sendiri. Sebarang kos guaman yang anda harus bayar bagi Tindakan berkelompok tidak mungkin melebihi bayaran pampasan yang anda mungkin terima. Dalam erti kata lain anda tidak mungkin bayar wang sendiri bagi sebarang perbelanjaan guaman dalam tindakan berkelompok ini.

19. Jika anda perlu, anda bolih menghubungi PFM dengan hantar email ke [GMNauru@pfm.law](mailto:GMNauru@pfm.law) supaya sebarang maklumat terkini bolih dihanar kepada alamat email yang anda beri.

**Saya tidak lagi mahu menjadi sebahagian dalam Tindakan Berkelompok- apa yang perlu saya buat?**

20. Jika anda tidak lagi mahu menjadi ahli dalam Tindakan Berkeleompok itu ,anda seharusnya memaklumkan Federal court. Ini dipanggil “menarik diri”. Jika anda ingin menarik diri ,anda mesti mengisi borang itu pada penghujung dan e mail atau pos borang itu sebelum **4:00 pm (AEST)** pada Jumaat 31 Julai 2020, kepada :

The Registrar  
Federal Court of Australia  
Victorian District Registry  
305 William Street  
Melbourne VIC 3000

atau

[vicreg@fedcourt.gov.au](mailto:vicreg@fedcourt.gov.au)

21. Anda tidak akan dapat sebarang gantirugi sekiranya anda menarik diri dari Tindakan Berkelompok itu.

22. Setiap ahli kumpulan yang tidak mahu lagi menjadi sebahagian dalam Tindakan Berkelumpok mesti mengisi satu boring Tarik diri berasingan. Anda tidak bolih mengisi borang tarik diri sebagai satu keluarga.

**Dimana bolih anda mendapatkan salinan dokumen dokumen yang relevan**

23. Salinan dokumen dokumen relevan, termasuk permohonan itu, Penyata Tuntutan dan Pembelaan, mungkin bolih diperolehi oleh:

- (a) muat turun dari laman web PFM: [phifinneymcdonald.com/projects/](http://phifinneymcdonald.com/projects/)
- (b) menyemaknya dalam laman web Federal Court di [www.fedcourt.gov.au](http://www.fedcourt.gov.au)

**Dari mana bolih saya dapat maklumat lanjut?**

24. Jika anda perlukan maklumat lanjut termasuk sekiranya anda perlu Notis ini diterjemahkan dalam Bahasa lain, anda bolih:

- (a) anda bolih malayari laman web <http://phifinneymcdonald.com/projects/>; atau
- (b) menghubungi PFM dengan menghantar email kepada [GMNauru@pfm.law](mailto:GMNauru@pfm.law)

**Gunakan borang ini hanya jika anda TIDAK MAHU lagi menjadi sebahagian dalam  
Tindakan Berkelompok**

Form 21

Rule 9.34

**NOTIS TARIK DARI**

No. VID816 of 2019

Federal Court of Australia  
District Registry: Victoria  
Division: General

**Plaintiff M83A/2019**

First Applicant

**Plaintiff M83B/2019 (by his litigation representative, Plaintiff M83C/2019)**

Second Applicant

**Scott Morrison & Ors (in accordance with the attached schedule)**

Respondents

Kepada:

The Registrar  
Federal Court of Australia  
Victoria District Registry  
305 William Street  
Melbourne VIC 3000

atau

vicreg@fedcourt.gov.a

[nama penuh anda], salah seorang ahli dalam prosiding perwakilan ini, memberi notis dibawah seksen 33J Akta Federal Court of Australia 1976 dengan ini [nama penuh anda] menarik diri dari prosiding perwakilan.

Tarikh:

Tandatangan anda:

Nama penuh anda:

Tarikh Lahir anda:

Alamat e mail:

Nombor talipon:

Bulatkan satu: ahli kumpulan ATAU penjaga undang undang bagi Ahli Kumpulan

Malay